





UNJURAN PENDUDUK, MALAYSIA, 2020 - 2060




Petunjuk: 2030 2060

Penduduk Malaysia meningkat sebanyak 5.87 juta bagi tempoh 30 tahun dari 2030 dan mencapai kemuncak 42.38 juta pada 2059 dan mula menurun pada 2060


Jantina (%)



Kumpulan Etnik (%)



Kumpulan Umur (%)



Unjuran Penduduk mengikut Negeri, Malaysia, 2030 dan 2060

JOHOR	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS
4,490.6	2,365.4	2,145.7	1,138.4	1,326.5	1,807.2	2,708.6	317.7
4,994.6	2,578.0	3,484.5	1,365.2	1,480.0	2,488.2	3,119.1	355.7
PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	W.P. KUALA LUMPUR	W.P. LABUAN	W.P. PUTRAJAYA
1,909.9	4,046.8	2,691.1	7,799.2	1,401.1	2,087.2	106.0	151.6
1,808.6	4,890.5	3,019.3	8,102.7	2,291.2	1,878.7	101.0	410.9



Penduduk Malaysia mencapai kemuncak 42.38 juta orang pada 2059

- Penduduk Malaysia diunjurkan 36.49 juta pada 2030, 39.78 juta (2040), 41.79 juta (2050) dan 42.37 juta (2060).
- Penduduk dijangka akan **terus meningkat dalam tempoh 40 tahun** akan datang dan **mencapai kemuncak 42.38 juta pada 2059** dan mula menurun pada 2060.
- **Selangor diunjur kekal dengan bilangan penduduk tertinggi** pada 2060 iaitu 8.10 juta, diikuti Johor (4.99 juta) dan Sabah (4.89 juta).
- Penduduk **Kelantan, Pahang, Perak, Terengganu dan W.P. Putrajaya** diunjurkan **terus meningkat dalam tempoh 40 tahun** sehingga 2060.
- Taburan penduduk mengikut jantina menunjukkan **lelaki melebihi perempuan** sepanjang tempoh 2030-2060.
- Bumiputera menunjukkan **peningkatan peratusan tertinggi sebanyak 7.6 mata peratus** daripada 71.8 peratus (2030) kepada 79.4 peratus (2060). Peratusan Cina dan India masing-masing **menurun pada 2060** kepada 14.8 peratus (2030: 21.1%) dan 4.7 peratus (2030: 6.3%).
- Struktur umur penduduk diunjurkan beralih di mana **kumpulan umur muda dan bekerja terus menurun** manakala **kumpulan umur tua meningkat** bagi tempoh 2030-2060.
- Malaysia mencapai **Ageing Society pada 2021** dan **Aged Society pada 2048** di mana penduduk berumur 65 tahun dan lebih masing-masing melebihi 7 peratus dan 14 peratus.

